



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI, MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PADA 08 FEBRUARI 2009, AHAD 8.00 PAGI PADANG PERMAINAN TAMAN TAMING KIRI, TAMING JAYA BALAKONG

1. Jumlah kes Denggi masih tinggi walaupun tren menunjukkan ada penurunan pada bulan pertama tahun ini berbanding bulan sebelumnya.
2. Jumlah kumulatif kes Denggi tahun 2009 (sehingga 6/2/09) adalah sebanyak 6,623 berbanding 3,829 dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Dari jumlah tersebut sebanyak 3461 (52%) merupakan kes dari Negeri Selangor.
3. Jumlah kematian dalam tempoh yang sama pula seramai 18 orang berbanding 9 orang pada tahun 2008. Sebanyak 8 (44%) kes kematian adalah dari Negeri Selangor. (Lampiran 1).
4. Bagi tempoh 25 hingga 31/1/2009 (minggu ke 04/09) terdapat sebanyak 1,013 kes denggi dilaporkan di seluruh negara, penurunan sebanyak 297 (23%) kes berbanding dengan minggu sebelumnya 1,310 kes. Dari jumlah tersebut, 496 (49%) kes adalah dari Negeri Selangor. (Lampiran 2).

5. Sehingga 6/2/09, sebanyak 44 lokaliti 'Hot Sport' telah dikenalpasti bagi seluruh Negara di mana 40 (91%) lokaliti adalah berada di Negeri Selangor, 3 lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 1 lokaliti di Terengganu. Lokaliti ini masih tidak dapat mengawal wabak lebih daripada sebulan. (Lampiran 3).

6. Sehingga 24/1/09 , pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat pemeriksaan ke atas 219,132 premis di mana sejumlah 3,352 premis didapati ada pembiakan Aedes . Kebanyakan premis (86%) yang didapati ada pembiakan nyamuk Aedes merupakan rumah kediaman dan kedai. Sejumlah 33,478 premis telah dibunuh Abate. Sebanyak 1,533,679 semburan kabus telah dijalankan dan 119 aktiviti gotong-royong dilakukan di seluruh Negara. (Lampiran 4).

7. Bagi premis yang mempunyai pembiakan nyamuk Aedes sebanyak 1,007 notis telah dikeluarkan sehingga 24/1/09. Selain daripada itu, sejumlah 957 kompaun dengan nilai denda sebanyak RM202,080.00 juga telah dikeluarkan. (Lampiran 5).

8. Maklumat daripada kes yang dilaporkan mendapati bahawa 80% daripada tempat-tempat yang melaporkan kes Demam Denggi mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi. Oleh itu, orang ramai adalah diminta untuk mengambil bahagian secara aktif dengan membuat pemeriksaan dan memusnahkan semua tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan luar rumah. Aktiviti ini hanya perlu dilakukan sekali seminggu dan ia sangat mudah dan hanya memerlukan masa lebih kurang 10 minit sahaja.

9. Selain daripada tanggungjawab menjaga kebersihan dalam rumah, anggota masyarakat juga digalakkan mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan persekitaran perumahan mereka secara berkala dan berterusan.

10. Kementerian Kesihatan Malaysia ada melaksanakan program COMBI (Communication for Behavioural Impact) bagi memperkasakan masyarakat dalam aktiviti kawalan dan pencegahan denggi. Adalah didapati COMBI ini telah berjaya menurunkan kes Denggi sebanyak 84%. Pada masa ini terdapat seramai 11,892 sukarelawan COMBI di 585 lokaliti di seluruh Negara. Orang ramai adalah digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam program ini. Pada tahun lepas (2008) sebanyak RM 1.8 juta telah diperuntukan untuk program COMBI dan pada tahun ini akan dipertingkatkan lagi peruntukan untuk program ini.

11. Kita mesti ingat bahawa pencegahan dan kawalan Denggi memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak termasuk masyarakat. Akhir kata saranan saya kepada orang ramai untuk kita sama-sama mengawal Demam Denggi ialah:

i. Orang ramai yang mengesyaki dijangkiti Denggi hendaklah segera mendapatkan rawatan di klinik kerajaan atau swasta yang berdekatan. Langkah rawatan awal dapat mengurangkan kematian dan mempermudah pengesanan kes serta pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi yang berkesan.

- ii. Mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti gotong-royong untuk membersihkan persekitaran perumahan serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

- iii. Kempen memperuntukkan masa selama 10 minit seminggu ini meminta setiap pemilik premis memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan aedes di kawasan kediaman masing-masing adalah mudah dan cepat perlu diperhebatkan.

- iv. Kerjasama orang ramai kepada anggota Kementerian Kesihatan Malaysia sangatlah mustahak dan diperlukan bagi mengawal Demam Denggi dari menular.

DATO' LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh : 8 Februari 2009

**JUMLAH KES DAN KEMATIAN MENGIKUT NEGERI
TAHUN 2009 DAN 2008 (SEHINGGA MINGGU KE 4)**

Negeri	2009		2008	
	Kes	Kematian	Kes	Kematian
Perlis	17	0	16	0
Kedah	184	0	114	0
P.Pinang	386	0	182	0
Perak	561	1	471	0
Selangor	3461	8	1385	3
W.P.K.Lumpur/Putrajaya	625	4	460	0
N.Sembilan	136	2	119	0
Melaka	86	0	40	0
Johor	328	2	263	4
Pahang	167	0	193	0
Terengganu	141	0	179	1
Kelantan	182	0	165	1
Sarawak	227	0	127	0
Sabah	122	1	115	0
Labuan	0	0	0	0
Jumlah	6623	18	3829	9

LAMPIRAN 2**Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid Ke-4, 2009
Berbanding Jumlah Kes pada Minggu 3**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah kes sehingga 6 Feb 2009	Jumlah kes bagi tempoh sama 2008
		Minggu 3/09	Minggu 4/09		
1.	Perlis	1	6	17	16
2.	Melaka	14	20	86	40
3.	Perak	99	99	561(1)	471
4.	Sarawak	47	41	227	127
5.	Johor	53	45	328(2)	263(4)
6.	WPKL Putrajaya	129	102	625(4)	460
7.	Pahang	33	26	167	193
8.	N.Sembilan	31	24	136	119
9.	Sabah	31	24	122	115
10.	Kedah	39	30	184	114
11.	Selangor	664	496	3461(8)	1385(3)
12.	P.Pinang	90	64	386	182
13.	Terengganu	36	20	141	179(1)
14.	Kelantan	43	16	182	165(1)
15.	Labuan	0	0	0	0
	Jumlah	1,310(5)	1,013(2)	6,623(18)	3,829(9)

Nota:

(-) Menurun

LOKALITI WABAK TIDAK TERKAWAL MINGGU 4/2009

Bil	Negeri	Daerah/ Zon/PBT	Lokaliti	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1.	Selangor	Petaling	Seksyen 7, Flat C	130
2.	Selangor	Petaling	Seksyen 7, Flat A	112
3.	Selangor	MPKj	Taman Semenyih Indah	94
4.	Selangor	MPKj	Zon 1 Taman Sepakat Indah	93
5.	Selangor	MBSA	Teres D seksyen 24	84
6.	Selangor	MPKj	Taman Cheras Jaya	82
7.	Selangor	Petaling	Seksyen 7, Teres A	80
8.	Selangor	MPKj	Zon 1 Seksyen 8 BBB	76
9.	Selangor	MPKj	Taman Kajang Baru	75
10.	Selangor	Petaling	Seksyen 18, Teres A	75
11.	Selangor	MPKj	Sek 2 Bandar Sri Putra	70
12.	Selangor	MBSA	Padang Jawa B	68
13.	Selangor	MBSA	Flat 18/43 (Eps 2)	66
14.	Selangor	MBSA	Padang Jawa C	63
15.	Selangor	MBSA	Flat 18/3(Eps 2)	63
16.	Selangor	MPKj	Taman Kajang Jaya	61
17.	Selangor	MPKj	Sek 3 Bandar Sri Putra	60
18.	Selangor	Gombak	Kg Laksamana	58
19.	Selangor	MBSA	Teres A Seksyen 25	56
20.	Selangor	MPSJ	Taman Puchong Perdana	54
21.	Selangor	MPKj	Zon 4 Taman Bukit Mewah	54
22.	Selangor	MBSA	Flat PKNS Seksyen 20	52
23.	Selangor	Gombak	Bandar Baru Selayang F2	51
24.	WPKL	Setapak	Taman Setiawangsa Kws (F)	51
25.	Selangor	Petaling	SEK U3, Subang Perdana	49
26.	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sentul Utama	48
27.	Selangor	MBSA	Apt Perdana , Seksyen 13	46
28.	Selangor	MBSA	Seksyen 11	45
29.	Selangor	MBSA	Flat Seksyen 6	45
30.	Selangor	MPKj	Sek 2 Bandar Rinching	45
31.	Selangor	H.Selangor	Lokaliti 1, Bandar Baru Batang Kali	45
32.	Selangor	Petaling	Seksyen 18, Teres B	44
33.	Selangor	H.Langat	Kg Sg Kantan Kajang	44

34	WPKL	Pusat Bandar	Bdr Baru Sentul (Menara Orkid)	42
35	Selangor	Petaling	Seksyen U10 Puncak Perdana	41
36	Selangor	MBSA	Teres C Seksyen 27	40
37	Selangor	MPKj	Zon 5 Seksyen 16 BBB	38
38	Selangor	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves Z2	38
39	Selangor	MPKj	Taman Sri Jelok	37
40	Selangor	H.Langat	Kuarters Penjara Kajang	31
41	Selangor	MBSA	Taman Alam Indah Seksyen 33	30
42	Selangor	MBSA	Teres A Seksyen 8	30
43	Selangor	MPKj	Taman Zamrud	30
44	Terengganu	KKM	Kampung Gelong Bilal	30

**LAPORAN AKTIVITI KAWALAN DENGGI TAHUN 2009
(SEHINGGA 24/1/2009)**

Negeri	Bil. Premis Diperiksa	Bil. Premis Positif Aedes	Bil. Premis Dibubuh Abate	Bil. Premis Disembur Kabus
Perlis	2,370	47	207	5,876
Kedah	8,981	177	4,836	39,776
P.Pinang	31,833	307	4,913	72,981
Perak	34,132	215	3,786	84,911
Selangor	31,330	982	11,167	496,829
WPKL/Putrajaya	10,606	620	845	537,706
N.Sembilan	10,083	171	717	71,962
Melaka	5,854	17	403	25,758
Johor	21,937	168	1,463	35,955
Pahang	23,314	394	3,671	64,749
Terengganu	7,983	74	284	21,549
Kelantan	18,644	110	129	58,512
Sabah	8,272	54	344	12,973
Labuan	12	0	4	55
Sarawak	3,781	16	709	4,087
Jumlah	219,132	3,352	33,478	1,533,679

**LAPORAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2009
(SEHINGGA 24/1/2009)**

Negeri	Bil. Notis Dikeluarkan	Kompaun Dikeluarkan Dan Nilai Denda	
		Bil.	RM
Perlis	43	8	900.00
Kedah	103	74	10,250.00
P.Pinang	9	67	6,700.00
Perak	113	102	16,700.00
Selangor	61	333	105,900.00
WPKL/Putrajaya	69	51	12,680.00
N.Sembilan	145	22	2,200.00
Melaka	1	17	2,500.00
Johor	0	99	14,650.00
Pahang	219	116	14,300.00
Terengganu	193	38	12,300.00
Kelantan	9	6	600.00
Sabah	39	22	2,300.00
Labuan	0	0	0
Sarawak	3	2	100.00
Jumlah	1,007	957	202,080.00

**BILANGAN KES DAN KEMATIAN DENGGI
DARI TAHUN 2004 HINGGA 2008**

Tahun	Kes	Kematian
2004	33,895	102
2005	39,686	107
2006	38,556	92
2007	48,846	98
2008	49,335	112